

# Pembangunan Hotel Wakaf Terengganu (Grand Puteri Hotel) dan Sumbangannya Terhadap Masyarakat Setempat

**BITARA**Volume 3, Issue 2, 2020: 044-055  
© The Author(s) 2020  
e-ISSN: 2600-9080  
<http://www.bitarajournal.com>

## [The Development of The Hotel Wakaf Terengganu (Grand Puteri Hotel) and its Contribution Towards The Local Community]

Mohd Ridzuan Mohamad, Zurita Mohd Yusoff & Nadhirah Nordin <sup>1</sup>

### Abstrak

Majlis Agama Islam Dan Adat Melayu Terengganu (MAIDAM) merupakan sebuah badan yang bertanggungjawab dalam mengurus dan mentadbir segala berkaitan mengenai kedudukan wakaf di negeri ini. Salah satu pengurusan yang terlibat adalah membangun dan memajukan tanah-tanah wakaf dari pelbagai aspek, sama ada pembangunan keagamaan, komersial dan sebagainya. Sumber peruntukan merupakan salah satu perkara penting untuk memaju dan membangun bagi setiap mana-mana tanah wakaf. Terdapat beberapa projek pembangunan wakaf di bawah peruntukan persekutuan iaitu RMK-Ke 9 dan Ke 10. Di bawah peruntukkan ini, kos perbelanjaan tertinggi adalah pembinaan projek hotel wakaf (Grand Puteri Hotel) berbanding dengan projek wakaf yang lain. Permasalahan yang wujud terhadap pembinaan hotel tersebut iaitu terdapat di kalangan masyarakat terutamanya para penerima bantuan zakat mempersalahkan pihak MAIDAM kerana bangunan tersebut dibina daripada peruntukan wang zakat. Objektif kajian ini menjelaskan kedudukan sebenar pembinaan hotel wakaf dan apakah sumbangan manfaat kepada masyarakat setempat di negeri ini. Kajian ini menggunakan kaedah kualitatif iaitu memperolehi data-data kajian daripada pihak MAIDAM serta turut dijalankan proses temu bual terhadap beberapa pegawai di jabatan tersebut. Kajian ini mendapati bahawa bangunan hotel wakaf dibina bukan daripada wang zakat, peruntukan sebenar adalah daripada dana Kerajaan Persekutuan melalui saluran pihak Jabatan Wakaf, Zakat Dan Haji (JAWHAR). Kos pembinaan bangunan tersebut adalah sebanyak 41.68 Juta dan siap sepenuhnya pada 8 April 2013. Hasil manfaat daripada bangunan ini diagihkan dalam bentuk skim bantuan wakaf. Kajian ini juga mendapati penerima yang tertinggi daripada agihan manfaat wakaf adalah bagi daerah Kuala Terengganu sebanyak 42.7%. Manakala jenis bantuan pula yang tertinggi adalah aspek sosial melalui skim bantuan Bencana Alam sebanyak 34.5%. Justifikasi saluran manfaat kepada masyarakat setempat adalah signifikan kerana para penerima yang ramai adalah di dalam daerah Kuala Terengganu. Ini mengambil kira hotel wakaf adalah berada dalam daerah yang sama. Rumusannya, hartanah wakaf adalah penting dibangunkan, secara tidak langsung hasil manfaat akan diterima oleh pihak masyarakat walaupun dalam bentuk sekala yang lebih kecil berbanding agihan yang lain seperti bantuan daripada Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM), bantuan zakat dan sebagainya.

### Kata kunci:

Pembangunan Wakaf, Grand Puteri Hotel, MAIDAM, JAWHAR dan YWM

---

<sup>1</sup> Universiti Kebangsaan Malaysia, Selangor, Malaysia.

### Corresponding Author:

ZURITA MOHD YUSOFF, Pusat Pengajian Syariah, Fakulti Pengajian Kontemporari Islam, Sultan Zainal Abidin, Kampus Gong Badak, 21300 Kuala Nerus, Terengganu, MALAYSIA. E-mail: zurita@unisza.edu.my

## Abstract

Majlis Agama Islam dan adat Melayu Terengganu (MAIDAM) is a body responsible for managing and administering all related about the position of the wakaf in this state. One of the management involved is developing and advancing the land-the land endowment of various aspects, whether the development of religious, commercial and so on. Resource allocation is one of the important things to develop and build for each of any wakaf land. There are several projects of development of the endowment under the provisions of the federal that is the RMK-9 and 10. Under the provisions of this, the cost of the highest expenses is the construction of the hotel project endowment (Grand Puteri Hotel) compared with the project endowment to the other. The problems that exist against the construction of the hotel that is there among the community especially the recipients of assistance zakat accuse the MAIDAM because the buildings are constructed of the allocation of charity money. The objective of this study clarify the position of the actual construction of the wakaf hotel and what is the contribution of benefits to the local community in the state. This study uses qualitative methods that is acquiring the data-the survey data from the MAIDAM as well as also conducted process interviews of some officers in the department. This study found that the building of the wakaf hotel built not from the money of zakat, the actual allocation is of funds the Federal Government through the channels of the Department of Wakaf, Zakat and Haji (JAWHAR). The cost of construction of the building is a total of 41.68 Million and was fully completed on 8 April 2013. Results the benefits of this building is distributed in the form of a scheme of assistance endowment. This study also found the recipient of the highest of the distribution of the benefits of the endowment is for the district of Kuala Terengganu by 42.7%. While the types of assistance about which the highest is the aspect of social assistance schemes Natural Disaster as much as 34.5%. The justification of the channel benefits to the local community is significant because the recipients of the public is in the district of Kuala Terengganu. This takes into account the wakaf hotel is to be in the same district. Summary, real estate endowments is important developed, the indirect revenue benefits to be received by the society even in the form of occasional smaller compared to the distribution of the other as help from the social Welfare Department (JKM), the help of zakat and so on.

## Keywords:

The development of Wakaf, Grand Princess Hotel, MAIDAM, JAWHAR and YWM

## Cite This Article:

Mohd Ridzuan Mohamad, Zurita Mohd Yusoff & Nadhirah Nordin. 2020. Pembangunan hotel wakaf Terengganu (Grand Puteri Hotel) dan sumbangannya terhadap masyarakat setempat. *BITARA International Journal of Civilizational Studies and Human Sciences* 3(2): 44-55.

## Pengenalan

Pembangunan tanah-tanah wakaf di Malaysia secara pesatnya adalah bermula pada tahun 2006 iaitu di bawah peruntukan RMK Ke 9 dan RMK Ke-10. Pihak Kerajaan Persekutuan telah mengambil perhatian terhadap tanah-tanah wakaf yang terbiar di Malaysia. Oleh itu, penubuhan JAWHAR pada tahun 2004 adalah bermatlamatkan untuk membantu Majlis Agama Islam Negeri (MAIN) bagi membangun tanah-tanah wakaf di seluruh negara. (JAWHAR: 2014). Sebelum JAWHAR ditubuhkan, pembangunan wakaf adalah bergantung kemampuan kewangan MAIN sama ada sumber dalaman atau pihak luar iaitu pihak Kerajaan Negeri. Kesan pembangunan dalam tempoh ini iaitu kos pembinaannya tidak mencapai jutaan ringgit bagi sesebuah projek wakaf yang dibina. Justeru, peruntukan RMK Ke-9 dan Ke-10 merupakan peruntukan Kerajaan Persekutuan yang disalurkan melalui JAWHAR dan pihak JAWHAR

telah bekerjasama dengan MAIN untuk membangunkan sesebuah projek di atas tanah wakaf dan tanah tersebut merupakan milik MAIN (YWM 2016: 64). Ini merupakan salah satu konsep pembangunan tanah-tanah wakaf yang dilaksanakan secara kolaborasi antara Kerajaan Persekutuan dengan Kerajaan Negeri sehingga pencapaiannya turut memberangsangkan kepada masyarakat setempat. Pembangunan hartanah ini telah dibahagikan kepada lima bentuk fizikal iaitu keagamaan, perumahan, ekonomi, kebajikan dan kesihatan (Asiah Kamal 2017). Di Terengganu, pembinaan projek di bawah peruntukan Kerajaan Persekutuan telah memberikan impak positif kepada masyarakat setempat. Sebanyak empat projek pembangunan wakaf yang telah berjaya dibangunkan dengan jumlah peruntukan sebanyak 52.88 juta (Jalil Ngah, 2018).

Permasalahan kajian mendapati bahawa terdapat juga segelintir pihak masyarakat mendakwa projek-projek yang dibangunkan termasuk Grand Puteri Hotel adalah digunakan daripada peruntukan zakat. Kefahaman ini merupakan suatu fakta yang tidak tepat kerana mengikut Keputusan Negeri Terengganu Kali Pertama Penggal Ke-9 Pada 19 Safar 1432 Bersamaan 24 Januari 2011 tidak membenarkan wang zakat digunakan untuk mana-mana projek termasuk projek di atas tanah wakaf (Fatimah, 2018). Bagi menjelaskan sebuah hipotesis ini, kajian ini akan mengkaji kedudukan status pembinaan Hotel Grand Puteri dan bagaimana pula sumbangannya kepada masyarakat setempat.

Metodologi kajian menggunakan kaedah kajian kualitatif melalui teknik penerokaan. Data-data yang berada di MAIDAM merupakan data primer untuk dianalisis. Teknik ini juga menggunakan kajian lapangan melalui proses temu bual secara rawak. Melalui kaedah tersebut iaitu para responden telah dikenal pasti iaitu tiga orang pegawai yang berkelayakan bagi mengemukakan perkara yang berkait dalam kajian ini. Proses penganalisis data pula menggunakan kaedah deskriptif, induktif dan deduktif.

## **Pembangunan Tanah-tanah Wakaf di Terengganu**

Pentadbiran wakaf adalah di bawah bidang kuasa negeri-negeri iaitu Majlis Agama Islam Negeri merupakan sebuah institusi tunggal yang mengurus segala hal urusan ini termasuk urusan pendaftaran, pembangunan, sewaan dan sebagainya (JAWHAR 2009: 33). Dasar ini telah ditetapkan di dalam Perlembagaan Persekutuan 'Jadual Kesembilan' iaitu 'Senarai Negeri'. Bagi negeri Terengganu, segala urusan pentadbiran wakaf adalah di bawah Majlis Agama Islam Dan Adat Melayu Terengganu (MAIDAM). Dasar pentadbiran ini telah pun termaktub di dalam Enakmen Pentadbiran Hal Ehwal Islam (Terengganu) 2001 [En. 2/01] Seksyen 63 dan Enakmen Wakaf (Terengganu) 2016 [En. 1/2016] Seksyen 4.

MAIDAM merupakan sebuah badan berkanun yang ditubuhkan di bawah Enakmen Pentadbiran Hal Ehwal Islam (Terengganu) 2001 [En. 2/01] Seksyen 4. Pada awalnya, ia mula ditubuhkan di bawah Undang-Undang Bil 1 / 1949 dan diwartakan pada 16 Februari 1949, undang-undang tersebut dinamakan sebagai ' Undang-Undang Majlis Agama Islam Dan Adat Istiadat 1949 (1368). 6 tahun kemudian, undang-undang ini telah dibuat pindaan sehingga wujud 'Undang-Undang Pentadbiran Hukum Syarak Tahun 1955 (1375). Hampir 29 tahun undang-undang ini dikuatkuasakan, namun pindaan juga turut berlaku ke atas undang-undang tersebut sehingga wujud 'Undang-Undang Pentadbiran Hal Ehwal Agama 1986. Pada tahun

2001, enakmen 1984 telah dibuat pindaan lagi dan wujudnya undang-undang yang lain iaitu Enakmen Pentadbiran Hal Ehwal Islam (Terengganu) 2001 (MAIDAM: 2019).

Pembangunan sesebuah tanah-tanah wakaf adalah mengambil kira terhadap kedudukan ‘tujuan wakaf’ atau *mawquf alaihi*. Ianya telah ditetapkan di dalam ikrar pewakafan seperti wakaf khas atau wakaf am (Fatimah: 2018). Kedudukan tanah-tanah wakaf di Terengganu di bahagikan kepada dua jenis tujuan wakaf iaitu wakaf am dan wakaf khas. Dasar ini telah ditetapkan di dalam Enakmen Wakaf (Terengganu) 2016 Seksyen 14 (a) & (b). Di peringkat pengurusan, wakaf khas mempunyai beberapa kategori yang telah direkodkan iaitu wakaf khas tapak masjid (T.M), wakaf khas tapak surau (T.S), wakaf manfaat (Maksud Manfaat Wakaf (M.W) iaitu seseorang mewakafkan hartanya bukan untuk menunjukkan sesebuah binaan tertentu seperti pembinaan masjid, namun tanah yang diwakafkan tersebut boleh dimajukan dengan apa-apa binaan seperti kedai dan sebagainya. Hasil tersebut akan dimanfaatkan kepada masjid atau apa-apa tujuan yang dimaksudkan oleh pewakaf (Fatimah Harun 2018) (M.W) dan wakaf zuriat (W.Z). Pada tahun 2019, jumlah tanah wakaf mengikut pecahan daerah dan jenis wakaf adalah sebanyak 775 lot. Jumlah terperinci sebagai mana berikut:

Rajah 1: Data Tanah Wakaf Terengganu 2018

Daerah	W.Am	T. M	T.S	T.K	W. Z	M.W	Jumlah
K.Trng	127	19	26	43	21	195	431
Kemaman	24	2	11	1	-	7	45
Dungun	3	2	6	1	-	1	13
H.Trng	17	3	8	7	1	15	51
Marang	25	11	34	13	4	41	128
Besut	4	-	6	3	-	6	19
Setiu	5	9	3	2	-	-	19
K.Nerus	15	6	23	11	1	13	69
Jumlah	220	52	117	81	27	278	775
Jumlah Keseluruhan :							775 lot

Sumber: Fatimah Harun, 2018

Merujuk rajah 1 di atas, wakaf manfaat adalah tertinggi berbanding jenis wakaf yang lain iaitu 35.87% diikuti wakaf am 28.38%, wakaf tapak surau 15.09%, wakaf tapak kubur 10.45%, tapak masjid 6.70% dan wakaf zuriat 3.48%. Justeru itu, pembangunan tanah-tanah wakaf yang turut diperhatikan dalam kajian ini iaitu pembangunan fizikal komersial. Ini membezakan pembangunan tanah wakaf yang lain seperti pembinaan masjid, surau dan perkuburan Islam. Tanah-tanah wakaf yang dibangunkan secara pembinaan projek fizikal komersial hanya tertumpu kepada tanah-tanah wakaf am dan wakaf manfaat. Namun demikian, peruntukan bagi pembangunan tanah-tanah wakaf sangat terhad kerana sumber kewangan utama MAIDAM adalah daripada wang zakat dan peruntukan zakat tidak boleh digunakan bagi projek pembinaan ini sebagai mana diputuskan oleh Jawatankuasa Fatwa Negeri Terengganu Kali 1 Penggal ke-9 bertarikh 24 Januari 2011 bersamaan 19 Safar 1432. Sehubungan itu, projek pembangunan tanah wakaf yang telah dibangunkan adalah diperolehi daripada sumber peruntukan Kerajaan Negeri dan juga Kerajaan Persekutuan. Berdasarkan situasi ini, tanah-tanah wakaf iaitu wakaf

am dan manfaat wakaf yang tidak dimajukan melalui kaedah pembinaan bangunan akan diusahakan dengan secara pemberian sewa kepada pihak masyarakat. Antara aktiviti tersebut iaitu tanah- tanah tersebut diusaha dalam bentuk pertanian agar tanah wakaf ini tidak berada dalam keadaan terbiar.

## Pembangunan Wakaf di bawah daripada Kerajaan Negeri

Pihak Kerajaan Negeri Terengganu turut membantu dalam membangun tanah-tanah wakaf di negeri ini. 4 projek yang telah berjaya dibangunkan sebagai mana keterangan rajah di bawah:

Jadual 2: Projek Pembangunan di Bawah Peruntukan Kerajaan Negeri

Jenis Projek	Butiran Tanah	Butiran Projek
Premis perniagaan (Hentian MAIDAM)	Hak Milik: GM 3069 Lot: 5730 Mukim: Kuala Nerus Daerah: Kuala Nerus Status: Tanah Wakaf	Binaan: 5 unit 1 tingkat Kos pembinaan: RM 1,021,306.59 Tarikh siap: 2014
Premis perniagaan	Hak Milik: GM 7636 Lot: 8874 Mukim: Chukai Daerah: Kemaman Status: Tanah Wakaf	Binaan: 1 unit 2 tingkat Kos pembinaan: RM 326,732.50 Tarikh siap: 2011
Premis perniagaan (Arked MAIDAM)	Hak Milik: GM 1156 Lot: 1832 Mukim: Batu Buruk Daerah: K.Terengganu Status: Tanah Wakaf	Binaan: 6 unit 1 tingkat Kos pembinaan: RM 732,947.23 Tarikh siap: 2012
Rumah Kediaman (Untuk disewa)	Hak Milik: GM 107 Lot: 3032 Mukim: Kuala Dungun Daerah: Dungun Status: Tanah Wakaf	Binaan: 1 unit 1 tingkat Kos pembinaan: RM 300,000.00 Tarikh siap: 2010

Sumber: Jalil Ngah, 2018

Berdasarkan rajah 2 di atas, jumlah peruntukan bagi pembinaan projek ini adalah sebanyak RM 2,380,986.32. Ini menunjukkan bahawa kos pembinaan bagi sesebuah fizikal bangunan komersial di atas tanah wakaf agak tinggi. Justeru bagi menjayakan pembangunan tanah-tanah wakaf yang akan dilaksanakan pada masa akan datang memerlukan kepada sumbangan daripada pihak luar seperti pihak Kerajaan Negeri, syarikat korporat, individu dan sebagainya

## Pembangunan Wakaf di bawah Kerajaan Persekutuan

JAWHAR ditubuhkan pada 27 Mac 2004, matlamat penubuhan ini adalah supaya pihak Kerajaan Persekutuan memajukan segala harta umat Islam terutamanya aset wakaf yang berada di seluruh negeri. Jabatan ini turut dibantu oleh sebuah lagi agensi di peringkat persekutuan iaitu Yayasan Waqaf Malaysia (YWM). YWM ditubuhkan selepas 4 tahun kemudian daripada penubuhan JAWHAR pada 23 Julai 2008. Penubuhan YWM adalah sebagai anak syarikat JAWHAR di bawah Akta Pemegang Amanah [Pemerbadanan] 1952. Matlamat penubuhan ini memfokuskan secara serius berkenaan tanah-tanah wakaf di negeri ini ( JAWHAR 2006: 8).

Selepas kedua agensi ini ditubuhkan, pihak Kerajaan Persekutuan telah menyalurkan peruntukan bagi projek pembangunan wakaf di bawah RMK Ke-9 dan Ke-10 kepada MAIN. Majoriti MAIN telah memperolehi peruntukan ini namun terdapat juga MAIN yang tidak mendapatkan peruntukan tersebut kerana terdapat halangan oleh beberapa isu seperti tanah wakaf yang mempunyai masalah dari sudut topografi, masyarakat setempat dan sebagainya (YWM 2016: 68). Di Terengganu, projek pembangunan tanah wakaf telah berjaya dimajukan di bawah peruntukan ini iaitu sebagai mana di berikut:

Rajah 3: Projek pembangunan di bawah peruntukan Kerajaan Persekutuan.

Jenis Projek	Butiran Tanah	Butiran Projek
Hotel (Grand Puteri)	Hak Milik: GN 60030 Lot: 23919 Mukim: Bandar Daerah: K.Terengganu Status: Tanah Wakaf	Binaan: 7 Tingkat (180 bilik). Kos pembinaan: RM 41.68 Juta Tarikh siap: 2013
Asrama Pelajar (Asrama MAIDAM)	Hak Milik: GM 476 Lot: 2654 Mukim: Kg. Raja Daerah: Besut Status: Tanah Wakaf	Binaan: 1 unit 2 tingkat Kos pembinaan: RM 8.3 juta Tarikh siap: 2011
Pusat Latihan (Akedimik Kulinari Terengganu 'AKT')	Hak Milik: GM 971 Lot: 2466 Mukim: Pulau Kerenga Daerah: Marang Status: Tanah Wakaf	Binaan: Kompleks (5 Unit) Kos pembinaan: RM 1.9 juta Tarikh siap: 2012
Premis Perniagaan (Bazar Rakyat)	Hak Milik: (Tiada) Lot: 4220 Mukim: Lubuk Kawah Daerah: Besut Status: Tanah KTN 62 (dalam proses wakaf)	Binaan: 1 unit (2 tingkat / 12 bilik) dan 4 unit kiosk. Kos pembinaan: RM 1.0 juta Tarikh siap: 2010

Sumber: Jalil Ngah, 2018

Berdasarkan jadual 3 di atas, jumlah peruntukan keseluruhan di bawah Kerajaan Persekutuan bagi pembangunan tanah wakaf di negeri Terengganu adalah sebanyak RM 52.88 juta. Jika ditambahkan kedua-dua peruntukan antara Kerajaan Negeri dengan Kerajaan Persekutuan adalah sebanyak 55,268.986.00. Secara deskriptif, bahawa lapan lot tanah wakaf yang telah dibangunkan secara pembangunan fizikal komersial melibatkan perbelanjaan yang sangat besar. Ini menunjukkan agar sukar jika 498 lot tanah wakaf lagi (wakaf am dan wakaf manfaat) untuk dibangunkan secara keseluruhannya. Oleh demikian, pihak MAIDAM telah mengambil pendekatan iaitu tanah-tanah tersebut dimajukan dengan kaedah yang lain seperti diberi sewa secara pertanian kepada pihak masyarakat setempat (Jalil Ngah: 2018).

## **Hotel Wakaf Terengganu (Grand Puteri Hotel)**

Setiap pembangunan yang hendak didirikan iaitu langkah permulaan yang perlu diperhatikan adalah status tanah sama ada sudut geografi, topografi dan iklim (Haniza Lockman 1989: 2). Dari sudut geografi, Hotel wakaf Terengganu atau dikenali sebagai 'Grand Puteri Hotel' adalah terletak di tengah Pusat Bandar Kuala Terengganu. Kedudukan lokasinya berada di kawasan berdaya maju iaitu di persekitarannya mempunyai beberapa kemudahan utama seperti stesen pengangkutan awam (hentian bas) kira-kira 300 meter, Masjid Abidin (Masjid Putih) kira-kira 200 meter, beberapa tempat yang menjadi tumpuan pihak pelancong seperti Taman Shah Bandar kira-kira 800 meter dan Pasar Payang kira-kira 900 meter. Penginapan hotel ini akan penuh pada ketika musim cuti persekolahan. Selain itu, terdapat juga aktiviti atau program yang dijalankan di hotel tersebut daripada jabatan kerajaan, syarikat swasta dan lain-lain (Jalil Ngah: 2018).

Manakala sudut topografi pula iaitu sebelum hotel ini dibangunkan, di atas tanah ini merupakan kawasan rata iaitu dijadikan sebagai tempat letak kenderaan dan beberapa rumah kediaman turut terdapat di atas tanah tersebut. Dari sudut dokumentasi pula, tanah ini mula diberi milikan pada 15 Ogos 1979 secara hak milik sementara iaitu KMS 737. Pada 26 Disember 1985, tanah ini terlibat proses 'Pengambilan Balik Tanah di bawah Akta 485' untuk tujuan pembesaran jalan seluas 58.7128 Meter Persegi. Kesan pengambilan tersebut, tanah ini menjadi kepada dua bahagian iaitu lot 261 dan 262 RGN 3130. Pada tahun 2011, tanah ini bertukar lagi nombor pendaftaran kerana terlibat proses 'Cantuman Lot' di bawah Akta 56 Seksyen 136 dan nombor pendaftaran tersebut iaitu PT 3981 H.S.(D) 9469. Seterusnya pada 29 Disember 2016, tanah ini dibuat pembetulan pendaftaran di bawah seksyen 380 dan lot tanah ini turut berubah menjadikan lot baharu iaitu GN 23919 Lot 60030 Mukim Bandar Kuala Terengganu. Pegangan hak milik tanah ini iaitu 'Majlis Agama Islam Dan Adat Melayu Terengganu (Wakaf) 1/1 bahagian dan keluasanya adalah 6823 Meter Persegi.

Hotel ini mula beroperasi secara rasminya pada 8 April 2013 sempena berlangsung majlis perasmian penyerahan kunci antara Jabatan Kerja Raya (JKR) kepada JAWHAR dan MAIDAM. Kos pembinaan hotel ini berjumlah RM 41.68 Juta di bawah peruntukan RMK-Ke 9. Peruntukan ini disalurkan kepada pihak JAWHAR sebagai institusi wakaf di peringkat kebangsaan untuk kolaborasi projek pembangunan wakaf di peringkat negeri iaitu MAIDAM. Bangunan ini mempunyai 7 tingkat dan 180 bilik, dilengkapi kolam renang, dewan makan, dewan seminar dan bilik mesyuarat.

Melalui dana Kerajaan Persekutuan, kerja-kerja teknikal pembangunan seperti kaedah perolehan projek, pelan bangunan, komponen bangunan dan sebagainya adalah dikendalikan oleh pihak JKR. Konsep pembinaan hotel ini mengguna pakai kaedah 'B.O.T' iaitu *Build-Operate-Transfer* atau dikenali sebagai 'Bina-Operasi-Pindahmilik. Konsep ini merupakan salah satu mekanisme yang menguntungkan antara pihak-pihak yang terlibat bagi memajukan terhadap sesebuah projek pembangunan secara kolaborasi (UPP 2015: 294). Antara pihak-pihak yang terlibat dalam pembangunan hotel ini iaitu MAIDAM, JAWHAR, YWM dan Syarikat Ayahbonda (Operasi Hotel). Bentuk kolaborasi ini iaitu JAWHAR telah menyerahkan pajakan hotel ini kepada YWM sebagai entiti wakaf di peringkat persekutuan maka perjanjian pajakan dibuat antara MAIDAM dengan YWM. Tempoh pajak adalah selama 25 tahun iaitu bermula 8 April 2013 dan berakhir pada 7 April 2038. Hasil pendapatan hotel ini pula dibahagikan kepada 3 bahagian iaitu 1/3 kepada MAIDAM, 1/3 kepada YWM dan 1/3 kepada Operasi Hotel.

Entiti wakaf terhadap fizikal bangunan ini mengambil kira beberapa faktor, pertama tapak hotel ini merupakan tanah wakaf milik MAIDAM dan status wakafnya adalah menepati di bawah Enakmen Wakaf (Terengganu) Seksyen 4 dan Enakmen Pentadbiran Hal Ehwal Islam (Terengganu) 2001 Seksyen 63 bahawa MAIDAM adalah pemegang amanah tunggal wakaf dalam negeri Terengganu. Mengambil kira tanah tersebut adalah berstatus wakaf maka fizikal bangunan tersebut turut dikira sebagai wakaf selaras di bawah Kanun Tanah Negara 1965 (Akta 56) Seksyen 5 menyatakan: 'Tanah termasuklah permukaan bumi dan segala benda yang menjadi permukaan bumi tersebut'

Berdasarkan kedudukan tersebut, fizikal bangunan ini diwakafkan secara wakaf *irsod* (Wakaf irsod menurut tafsiran Enakmen Wakaf (Terengganu) 2016 Seksyen 18 (2) (a) iaitu 'penyerahan mana-mana tanah sebagai wakaf oleh kerajaan, baitulmal atau mana-mana perbadanan, institusi, organisasi atau badan-badan lain menurut Hukum Syarak'. Dalam konteks Hotel Grand Puteri, MAIDAM adalah pemilik bagi tapak bangunan tersebut, justeru MAIDAM perlu mewakafkan fizikal bangunan ini kerana binaan bangunan ini digunakan daripada peruntukan wakaf di bawah RMK- ke-9 (Surat JAWHAR.006-7/9 jld.6 (83) Bertarikh 17 Disember 2015)) oleh pihak MAIDAM sebagai mana mengikuti Keputusan Jawatankuasa Fatwa Kebangsaan Kali Ke-77 Bertarikh 10 April 2007 memutuskan bahawa mana-mana pembangunan yang didirikan di bawah peruntukan kerajaan Persekutuan iaitu RMK-Ke 9 dan Ke-10 hendaklah pihak MAIN mewakafkan bangunan tersebut (Jabatan Mufti Terengganu 2012: 14)

## Implikasi Impak Wakaf Kepada Masyarakat

Salah satu rukun wakaf adalah *mauquf alahi*. Para ulama menjelaskan bahawa *mauquf alahi* merupakan hasrat pewakaf yang perlu ditunaikan mengikut harta yang diwakafkan dan ia juga dikenali sebagai tujuan wakaf. (JAWHAR 2008: 11). Di dalam Enakmen Wakaf (Terengganu) 2016 Seksyen 2 (1) & (d) menjelaskan *mauquf alahi* adalah bermaksud: 'orang yang berhak menerima apa-apa manfaat, faedah, kepentingan atau keuntungan daripada suatu *mawquf*'.

Manakala di bawah seksyen 14 (a) pula menjelaskan jenis wakaf terbahagikan kepada dua iaitu wakaf am dan wakaf khas. Wakaf khas terdapat beberapa jenis seperti wakaf tapak masjid, tapak surau, tapak kubur, wakaf zuriat dan manfaat wakaf. Wakaf am pula kegunaannya



adalah berbentuk umum dan *mauqufnya* pula boleh dibangunkan dalam bentuk komersial atau keagamaan mengikut prinsip wakaf (JAWHAR 2018: 31). Di MAIDAM, pembangunan bagi tanah-tanah wakaf am kebanyakannya telah dibangunkan dalam bentuk komersial termasuk hotel wakaf (Grand Puteri Hotel). Hasil yang diperolehi daripada hotel wakaf ini akan dimanfaatkan mengikut tujuan wakaf am. Dalam konteks agihan manfaat wakaf am, pihak MAIDAM telah menetapkan sebuah parameter yang berasaskan kepada tiga prinsip. Pertama agihan mestilah kepentingan umum, kedua, dasar agihan merupakan suatu keperluan tidak dapat dielakkan dan ketiga dasar agihan mestilah tidak dilarang dari sudut syarak. Agihan manfaat ini diberikan dalam bentuk ‘Skim Bantuan Wakaf’ dan jumlah skim agihan ini adalah sebanyak sembilan jenis bantuan. Bantuan ini dibukakan sepanjang tahun kepada rakyat negeri Terengganu dan tertakluk kepada syarat-syarat yang ditetapkan (MAIDAM 2018: 5). Mengikut rekod penerima permohonan bantuan tersebut sebagai mana data di bawah:

Rajah 4: Jumlah penerima bantuan wakaf am bagi tahun 2019

Jenis Bantuan	K.T	K.N	D	K	H.T	S	B	M
Bencana Alam	18	6	1	6	-	1	3	4
Usaha Tanah MAIDAM	1	-	-	-	-	-	-	-
Peralatan Pengurusan jenazah	-	-	-	-	-	-	-	1
Penyelenggaraan Kubur	12	2	3	3	1	5	2	9
Ihya Ramadhan	4	-	-	2	1	1	-	3
Program Keagamaan Masjid / Surau	3	-	-	1	2	-	-	3
Peralatan Sekolah Agama	2	-	3	1	1	-	-	-
Pembaikan Kecil Sekolah Agama	2	-	-	3	-	-	-	-
Kebajikan Anak-Anak Yatim	2	1	-	-	-	-	-	-
Jumlah	44	9	7	6	4	7	5	21
								Jumlah Keseluruhan 103

Sumber: Umami Habibah 2018

Singkatan digunakan dalam rajah 4 di atas iaitu KT: Kuala Terengganu, K.N: Kuala Nerus, D: Dungun, K: Kemaman, H.T: Hulu Terengganu, S: Setiu, B: Besut dan M: Marang. Jumlah keseluruhan penerima adalah sebanyak 103. Bentuk agihan bantuan ini dibahagikan kepada dua jenis, pertama agihan bantuan dalam bentuk individu iaitu dikhususkan kepada bantuan Bencana Alam dan Usaha Tanah MAIDAM manakala jenis kedua pula diagihkan dalam bentuk organisasi iaitu Bantuan Peralatan Jenazah, Penyelenggaraan Kubur diberikan kepada Jawatankuasa Kampung, Bantuan Ihya Ramadhan, Program Keagamaan diberikan kepada Jawatankuasa Masjid dan Bantuan Peralatan Sekolah, Pembaikan Sekolah Agama, Kebajikan Anak Yatim diberikan kepada pentadbiran sekolah (MAIDAM 2018: 8-14) Berdasarkan data tersebut, jumlah permohonan yang diagihkan mengikut nisbah peratusan daerah-daerah iaitu Kuala Terengganu 42.7 %, Kuala Nerus 8.7 %, Dungun 6.7 %, Kemaman 5.8%, Hulu Terengganu 3.8%, Setiu 6.7%, Besut 4.8% dan Marang 20.3%. Manakala jumlah

permohonan mengikut nisbah jenis bantuan pula iaitu Bantuan Bencana Alam 34.5 %, Bantuan Usaha Tanah MAIDAM 0.8 %, Bantuan Peralatan Pengurusan Jenazah 0.8 %, Bantuan Penyelenggaraan Kubur 32.7 %, Bantuan Ihya Ramadhan 9.7 %, Bantuan Keagamaan Masjid / Surau 7.9 %, Bantuan Peralatan Sekolah Agama 6.1 %, Bantuan Pembaikan Kecil Sekolah Agama 4.4 % dan Bantuan Kebajikan Anak-Anak Yatim 2.6 %.

Dapatan secara deskriptif menunjukkan bahawa penerima yang paling ramai mengikut perbandingan daerah adalah daerah Kuala Terengganu iaitu 42.7%. Jurang perbezaan adalah tinggi berbanding kadar peratusan yang kedua iaitu daerah Marang hanya 20.3%. Manakala dapatan mengikut jenis bantuan pula, jenis bantuan yang tertinggi adalah Bantuan Bencana Alam iaitu 34.5%. Jurang bagi peratusan tangga kedua tidak begitu ketara iaitu Bantuan Penyelenggaraan Kubur sebanyak 32,7%, tetapi jurang ketiga amat ketara perbezaannya iaitu Bantuan Ihya Ramadhan sebanyak 9.7%. Sehubungan itu, agihan manfaat hasil wakaf am iaitu termasuk hasil Hotel Grand Puteri adalah signifikan kerana jumlah tertinggi adalah daerah Kuala Terengganu jika dibandingkan hotel ini berada dalam daerah yang sama. Manakala skim agihan pula, hasil wakaf ini banyak diagihkan dikalangan masyarakat setempat adalah dalam sektor sosial dan keagamaan.

Berdasarkan skim 'Bantuan Wakaf Am' di atas dapat dirumuskan secara induktif bahawa terdapat empat aspek penerimaan manfaat daripada hasil wakaf am iaitu aspek kebajikan, aspek keagamaan, aspek sosial dan aspek ekonomi. Keempat aspek ini menepati tiga dasar bantuan iaitu berasaskan kepada kepentingan umum, keperluan semasa dan tidak bercanggah prinsip hukum syarak. Kedudukan bantuan mengikut empat aspek ini iaitu:

Rajah 1: Skim Bantuan Wakaf Am Mengikut Kerangka Konseptual



## Kesimpulan

Pembangunan hartanah wakaf mempunyai dua dimensi iaitu keagamaan dan komersial. Manfaat dari sudut keagamaan tidak lagi dipertikai dalam kalangan masyarakat seperti membina masjid, surau dan tapak perkuburan Islam. Namun pembangunan hartanah wakaf dari sudut komersial masih terdapat pertikaian dalam kalangan masyarakat iaitu apakah manfaat disalah guna oleh pihak pemegang amanah.

Justeru, kajian ini menjelaskan semula dari sudut aspek kegunaan agihan manfaat daripada bangunan hartanah wakaf dalam bentuk komersial terutamanya bagi bangunan hotel wakaf Terengganu (Grand Puteri Hotel). Secara tidak langsung, manfaat telah diagihkan namun para penerima adalah berbeza mengikut skim bantuan yang lain seperti bantuan zakat dan sebagainya. Aspek agihan manfaat wakaf adalah lebih luas berbanding yang lain kerana ia merangkumi aspek sosial, keagamaan, ekonomi, kebajikan dan sebagainya. Untuk memenuhi kesemua aspek yang ada, ia memerlukan kepada hasil manfaat wakaf yang banyak yang bersumberkan daripada pembangunan komersial. Namun demikian, kos pembangunan tersebut adalah sangat terhad yang ada di peringkat MAIN.

## Rujukan

- Asiah Kamal (2017) *Pembiayaan Wakaf Di Majlis Agama Islam Negeri Terpilih: Potensi Pelaksanaan di Peringkat institusi pengajian tinggi*. *Tafhim: IKIM Journal of Islam and The Contemporary World*. 10: 151-185.
- Enakmen Pentadbiran Hal Ehwal Islam (Terengganu) 2001 [ En. 2.2001].
- Enakmen Wakaf (Terengganu) 2016 [Enakmen 1/2016].
- Hanisa Lockman (1989) *'Lakaran Binaan Bangunan'* Kuala Lumpur: Nurin Enterpress, ed. 1.
- Jabatan Mufti Negeri Terengganu (2012) *'Koleksi Warta Fatwa Negeri Terengganu'* Kuala Terengganu: Percetakan Nasional Malaysia Berhad, ed 1.
- Jabatan Wakaf, Zakat Dan Haji 'JAWHAR' (2018) *'Panduan Pengurusan Wakaf Institusi Pendidikan'* Putrajaya: JAWHAR ed 1.
- Jabatan Wakaf, Zakat Dan Haji 'JAWHAR' (2009) *'Manual Pengurusan Tanah Wakaf'*, Putrajaya: JAWHAR, ed 2.
- Jabatan Wakaf, Zakat Dan Haji 'JAWHAR' (2006) *'Sedekad Membina Tamadun Ummah'*, Putrajaya: JAWHAR, ed 1.
- Jalil Ngah, Ummi Habibah Dan Fatimah Harun 'Pembangunan Hotel Wakaf Terengganu (Grand Puteri Hotel) dan Sumbangannya Terhadap Masyarakat Setempat'. Temubual pada 11 November 2018.
- Majlis Agama Islam Dan Adat Melayu Terengganu. (2018). *'Skim Bantuan Wakaf & Sumber Am'*. Kuala Terengganu: Syarikat Percetakan Yayasan Islam Terengganu, ed 1.
- Portal Rasmi Majlis Agama Islam Dan Adat Melayu Terengganu (MAIDAM): <http://www.maidam.gov.my/index.php/en/cara-memohon-bantuan-zakat-maidam>
- Surat JAWHAR.006-7/9 jld.6 (83) Bertarikh 17 Disember 2015

Unit Penyelarasan Pelaksanaan Jabatan Perdana Menteri (2015) *'Pengurusan Projek Awam: Konsep Pretikal Dan Realiti*, Kuala Lumpur: Percetakan Nasional Berhad. ed 1.  
Yayasan Wakaf Malaysia (YWM) (2016), *Pelan Induk Transformasi Pembangunan Harta Tanah Wakaf di Malaysia*, Selangor: Firdaus Press Sdn Bhd, ed, 1.